

MAHATHIR-MAJLIS

1984

KUALA LUMPUR, 26 MEI (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENSIFATKAN PENYERTAAN MUKA-MUKA BARU DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO SEBAGAI MENCERMINKAN KEHENDAK PERWAKILAN UMNO UNTUK MENGIMBANGI TENAGA MUDA DAN TENAGA VETERAN DALAM PARTI.

PERDANA MENTERI BERKATA INI SATU PERKARA YANG SIHAT KERANA JELAS LAH RAMAI PERWAKILAN YANG TERDIRI DARIPADA KAUM MUDA MAHUKAN GENERASI MEREKA MENDUDUKI MAJLIS TERTINGGI SEBAGAI BARISAN PELAPIS PARTI.

+ BAGI SAYA, SOALAN SAMADA SAYA PUAS HATI TIDAK TIMBUL. ANGGOTA PERWAKILAN TELAH MEMBUAT PILIHAN DAN SAYA MENERIMA KEPUTUSAN MEREKA. KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA DIMINTA MENGULAS KEPUTUSAN MAJLIS TERTINGGI YANG DIUMUMKAN PAGI INI.

MENGENAI PEMILIHAN CUMA SEORANG WANITA IAITU PUAN MARIAN YUSOF DALAM MAJLIS TERTINGGI, PRESIDEN UMNO BERKATA PERKARA ITU TIDAK DAPAT DIELAKKAN MEMANDANGKAN RAMAI CALON YANG BERBAKAT BERTANDING BAGI 20 KERUSI MAJLIS TERTINGGI KALI INI.

+ OLEH KERANA TERLALU RAMAI CALON BAGUS YANG BERTANDING, SUKAR BAGI PERWAKILAN MEMBUAT PILIHAN DAN OLEH KERANA CUMA ADA 20 KERUSI SUDAH TENTU 28 LAGI YANG BERTANDING TIDAK TERPILIH. +

-- LAGI 1231/LK

MAHATHIR-MAJLIS -2 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEDUDUKAN MENTERI-MENTERI YANG KALAH DALAM PEMILIHAN MAJLIS TERTINGGI, BELIAU MENJELASKAN TIDAK BERMAKNA DENGAN KEKALAHAN ITU MEREKA AUTOMATIK DIGUGURKAN DARIPADA KABINET.

+ KEGAGALAN MEREKA MENDAPAT TEMPAT DALAM MAJLIS TERTINGGI TIDAK BERMAKNA AUTOMATIK MEREKA TERPAKSA MELEPASKAN JAWATAN MENTERI, + UJARNYA.

BELIAU ENGGAN MENYATAKAN BILAKAH SEBENARNYA ROMBAKAN KABINET AKAN DIBUAT CUMA MENGATAKAN IAKAN DIBUAT PADA BILA-BILA MASA SAHAJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERLANTIKAN LIMA ORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI AKAN DIBUAT OLEHNYA DALAM MESYUARAT PERTAMA MAJLIS TERTINGGI PARTI YANG LAZIMNYA DIADAKAN SEBULAN SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO.

DALAM PEMILIHAN KERUSI MAJLIS TERTINGGI KALI INI, TIMBALAN MENTERI PELAJARAN, DATUK KHALIL YAKUB MENDAHULUI SENARAI CALON-CALON DENGAN UNDI TERBANYAK.

MENGULAS KEMENANGAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BIASANYA SESIAPA YANG MEMEGANG PORTFOLIO DI KEMENTERIAN BERKENAAN MENJADI POPULAR KERANA APA YANG DIBUAT MENDATANGKAN KESAN KEPADA RAKYAT.

+ DENGAN BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN PELAJARAN, SESEORANG ITU MENDAPAT PRESTIG, BANYAK KENALAN DAN APA YANG DIBUAT MEMPU NYAI KESAN. JIKA MEREKA MENJALANKAN TUGAS DENGAN SEMPURNA SUDAH TENTU MEREKA POPULAR, + TAMBAHNYA.

-- BERNAMA 1242/LK